



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Rujukan : CGSO.600-3/2/1 JLD 2 (9)(S)

Tarikh : 26 Februari 2026

YBhg. Dato' Sri Ir. Roslan bin Ismail

Ketua Pengarah Kerja Raya

Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya

Jalan Sultan Salahuddin

50582 Kuala Lumpur.

YBhg. Dato' Sri Ir.,

**SURAT EDARAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2026: ARAHAN KESELAMATAN BERKAITAN
GARIS PANDUAN PEMATUHAN KEPERLUAN KESELAMATAN BAGI
PROJEK PEMBANGUNAN BANGUNAN DAN PREMIS KERAJAAN**

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Sri Ir. berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) melalui Surat Edaran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2026: Arahan Keselamatan Berkaitan Garis Panduan Pematuhan Keperluan Keselamatan Bagi Projek Pembangunan Bangunan Dan Premis Kerajaan. Garis panduan ini adalah sebagai rujukan dan panduan khidmat nasihat berkaitan aspek keselamatan perlindungan wajar diperincikan semasa peringkat cadangan reka bentuk pembinaan bangunan dan premis tersebut. Ini Adalah selaras dengan kehendak Perenggan 42, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

3. Justeru, jasa baik pihak YBhg. Dato' Sri Ir. adalah dipohon untuk memastikan agar perkara tersebut dirujuk terlebih dahulu kepada pejabat

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



ISO 9001 CERTIFIED
Cert No.: Q-173/23



Certified to ISO 22301:2019
CERT NO.: 014-BC005

ini dengan berpandukan Garis Panduan Pematuhan Keperluan Keselamatan Bagi Projek Pembangunan Bangunan dan Premis Kerajaan sebagai rujukan dan panduan, supaya setiap perancangan, pembangunan serta pembinaan bangunan dan premis kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan agensi-agensi Kerajaan dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada ciri-ciri dan aspek Keselamatan Perlindungan khususnya.

4. Komitmen dan perhatian daripada pihak YBhg. Dato' Sri Ir. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(W.HUSBI BIN W.MOHD)

s.k.:

1. YBrs. Encik Mohd Najib bin Surip
Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar)
2. YBrs. Encik Azizol Rahman bin Yon
Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi)
3. YBrs. Encik Mohamad Foudzli bin Abdullah
Pengarah
Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian Teknikal



**SURAT EDARAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**GARIS PANDUAN
PEMATUHAN KEPERLUAN KESELAMATAN BAGI PROJEK
PEMBANGUNAN BANGUNAN DAN PREMIS KERAJAAN**

**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Tujuan	1
Latar Belakang	1
Kategori Bangunan Dan Premis Kerajaan	3
Keperluan Penilaian Keselamatan Perlindungan Bagi Cadangan Pembinaan Bangunan Dan Premis Kerajaan	4
Keperluan Merujuk dan Pengesahan CGSO	10
Keperluan Mematuhi Aspek Keselamatan Fizikal	10
Keperluan Penilaian Keselamatan Bagi Sistem Elektronik Dan Keselamatan (<i>Extra Low Voltage</i>)	13
Penutup	16
Tarikh Kuat Kuasa	16
Maklumat Pertanyaan	17

GARIS PANDUAN PEMATUHAN KEPERLUAN KESELAMATAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN BANGUNAN DAN PREMIS KERAJAAN

TUJUAN

Garis Panduan ini menerangkan keperluan keselamatan dalam aspek keselamatan perlindungan bagi cadangan Projek Pembangunan Premis Kerajaan selaras dengan kehendak Arahan Keselamatan. Garis Panduan ini juga merupakan rujukan dan panduan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) khususnya sebagai agensi teknikal dalam pembangunan projek pembangunan kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan khidmat nasihat dan penilaian keselamatan terhadap pembinaan dan pengubahsuaian bangunan kerajaan dan premis kerajaan berdasarkan surat edaran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 4 Tahun 2023: Arahan Keselamatan Berkaitan Pembinaan dan Pengubahsuaian Bangunan Kerajaan dan Penilaian Risiko Keselamatan Terhadap Sistem ICT (*Information and Communication Technology*) bertarikh 11 Disember 2023.

3. Keselamatan fizikal merupakan elemen kritikal dalam melindungi aset, maklumat dan keselamatan warga kerja dengan menangani risiko pencerobohan, kecurian, kerosakan serta ancaman terhadap premis kerajaan, di samping memastikan kesinambungan perkhidmatan dan menyediakan bukti sahih sekiranya berlaku insiden pelanggaran keselamatan. Keperluan pematuhan dalam pembangunan projek premis kerajaan hendaklah memenuhi

aspek keselamatan fizikal berdasarkan prinsip *defence-in-depth* dalam menangani sebarang bentuk ancaman semasa bagi memastikan aset penting kerajaan diberikan perlindungan sewajarnya selaras dengan kehendak Arahan Keselamatan seperti yang berikut:

Perenggan 42

"Semua cadangan termasuk reka bentuk pembinaan, pengubahsuaian, penyewaan, pembelian bangunan, penempatan dan pemindahan pejabat-pejabat Kerajaan di bangunan Kerajaan dan swasta di dalam dan luar negeri hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan"

Perenggan 44

"Pelaksanaan sistem kawalan keselamatan bersepadu seperti kawalan akses dan televisyen litar tertutup yang mempunyai aplikasi keselamatan berteknologi tinggi dan terkini hendaklah dirujuk kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan"

Perenggan 68

"Semua cadangan pembinaan, pengubahsuaian, penyewaan, pembangunan dan penaiktarafan pusat data perlulah mendapat khidmat nasihat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan"

4. Bengkel penyediaan garis panduan ini telah diadakan bersama dengan wakil pegawai daripada JKR. Pematuhan keperluan dari aspek keselamatan fizikal bangunan kerajaan dan premis kerajaan adalah berdasarkan prinsip *defence-in-depth* dalam menangani sebarang bentuk ancaman semasa untuk memastikan aset penting kerajaan diberikan perlindungan sewajarnya.

KATEGORI BANGUNAN DAN PREMIS KERAJAAN

5. Secara umumnya Garis Panduan ini akan merangkumi lima (5) kategori bangunan dan premis berikut:

5.1 Pejabat Kerajaan

Premis, ruang atau bangunan yang digunakan oleh sesuatu kementerian, jabatan, agensi atau badan berkanun kerajaan bagi menjalankan fungsi rasmi pentadbiran, pengurusan, perkhidmatan atau operasi kerajaan.

5.2 Kediaman Rasmi Kerajaan

Rumah atau tempat tinggal yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada pegawai tinggi kerajaan, pemimpin negara, pegawai awam tertentu bagi tujuan rasmi serta sebagai simbol kedudukan jawatan mereka.

5.3 Bangunan Pendidikan

Premis, ruang atau struktur yang dibina, digunakan atau diwartakan khas bagi tujuan pengajaran, pembelajaran, latihan, penyelidikan atau aktiviti berkaitan pendidikan di bawah kerajaan.

5.4 Bangunan Kesihatan

Premis, ruang atau struktur yang dibina, digunakan atau diwartakan khas bagi tujuan penyediaan perkhidmatan kesihatan, rawatan perubatan, penjagaan kesihatan awam, pemulihan, pencegahan penyakit atau aktiviti berkaitan perubatan kesihatan.

5.5 Bangunan Keselamatan

Premis, kemudahan atau struktur yang digunakan oleh agensi keselamatan dan pertahanan negara bagi tujuan melaksanakan

fungsi keselamatan, penguatkuasaan undang-undang, kawalan keselamatan awam, pencegahan jenayah, pertahanan negara serta perlindungan aset dan kedaulatan negara.

KEPERLUAN PENILAIAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN BAGI CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN DAN PREMIS KERAJAAN

6. Penilaian keselamatan fizikal mengikut tiga (3) Tahap Keselamatan adalah seperti berikut:

6.1 Tahap Keselamatan I

(a) Bangunan kerajaan atau premis kerajaan yang berkepentingan keselamatan dan berisiko tinggi boleh menyebabkan kerugian besar kepada ekonomi, pertahanan dan keselamatan negara dan/atau menjejaskan fungsi kerajaan serta imej negara. Ianya dikelaskan sebagai Tahap Keselamatan I jika ianya mempunyai ciri-ciri berikut:

(i) Mana-mana bangunan atau kawasan yang telah/akan diisytiharkan Sasaran Penting dan bangunan atau kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan larangan atau tempat larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*];

(ii) Mana-mana bangunan atau kawasan yang menempatkan Menteri yang berprofil tinggi, contohnya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri/Timbalan Menteri Kewangan, Menteri/Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Menteri/

Timbalan Menteri Pertahanan atau melibatkan mana-mana Menteri yang mungkin terlibat dengan isu-isu sensitif;

- (iii) Pejabat Kedutaan dan Pejabat Pendidikan Tinggi di luar negara;
- (iv) Istana Negara, Istana Negeri Yang di-Pertuan Agong, Yang Dipertua Negeri dan juga mana-mana kediaman rasmi yang berkaitan;
- (v) Bangunan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri;
- (vi) Kediaman rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri;
- (vii) Bangunan yang menempatkan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Peguam Negara;
- (viii) Bangunan yang dikategorikan sebagai sensitif disebabkan oleh faktor lokasi dan kepentingan seperti Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) di Sabah;
- (ix) Premis agensi keselamatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM),
Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain;

- (x) Bangunan Arkib Negara dan Arkib Negeri;
- (xi) Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana;
- (xii) Bangunan Stesen, Institut Penyelidikan, Makmal Kesihatan, Makmal Kimia atau Institut Perubatan Khas;
- (xiii) Laluan masuk udara, darat dan laut (lapangan terbang, terminal, pelabuhan dan lain lain);
- (xiv) Jeti di bawah agensi penguatkuasa;
- (xv) Pejabat Jabatan Meteorologi;
- (xvi) Pusat Pentadbiran Negeri/ Kementerian Ibu Pejabat/Jabatan; dan
- (xvii) Kompleks Mahkamah Persekutuan dan Negeri.

6.2 **Tahap Keselamatan II**

- (a) Bangunan kerajaan atau premis kerajaan yang tidak dikelaskan sebagai Tahap Keselamatan I namun aspek keselamatan fizikal merupakan elemen penting dalam pengoperasiannya termasuklah mana-mana fasiliti berkaitan sasaran penting di mana sekiranya terjadi kemungkinan atau kerosakan yang boleh menjejaskan fungsi sasaran penting.

Bangunan kerajaan atau premis kerajaan yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (i) Pejabat-pejabat kerajaan termasuk Ibu Pejabat Badan Berkanun selain Tahap Keselamatan I di atas;
- (ii) Premis kesihatan seperti hospital, pusat kuarantin dan klinik kesihatan termasuk hospital pengajar, premis penjagaan seperti Rumah Seri Kenangan;
- (iii) Muzium, bangunan peringatan, pusat arkeologi dan Galeri Seni;
- (iv) Pejabat pertanian, veterinar, perikanan dan perhilitan;
- (v) Premis institusi pengajian tinggi seperti universiti, maktab perguruan, politeknik, institut latihan dan lain-lain termasuk sekolah tunas bakti atau sekolah antarabangsa;
- (vi) Premis pendidikan menengah dan rendah termasuk Program Pendidikan Khas Integrasi dan Pendidikan Khas;
- (vii) Kompleks Kebudayaan atau teater, panggung negara dan bangunan pelancongan;
- (viii) Balai Bomba;
- (ix) Kem Bina Semangat atau Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN);

- (x) Rumah penginapan; dan
- (xi) Pusat asuhan/ pendidikan awal kanak-kanak.

6.3 **Tahap Keselamatan III**

- (a) Bangunan kerajaan atau premis kerajaan yang bukan dalam Tahap Keselamatan I atau II adalah seperti berikut:
 - (i) Bengkel (*workshop*) yang tidak tertakluk di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*];
 - (ii) Kuarters kerajaan yang tidak tertakluk di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*];
 - (iii) Bangunan asrama yang tidak tertakluk di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*];
 - (iv) Jeti di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM);
 - (v) Fasiliti kemudahan awam seperti auditorium, dewan serbaguna, perpustakaan, tempat letak kenderaan bertingkat dan lain-lain;
 - (vi) Fasiliti kemudahan sukan, stadium, kompleks belia, rekreasi dan lain-lain;

- (vii) Bangunan keagamaan atau rumah ibadat;
- (viii) Bangunan persatuan;
- (ix) Rumah kebajikan yang tidak tertakluk di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*];
- (x) Bangunan kemasyarakatan; dan
- (xi) Pasar

Nota:

- i. Bangunan kerajaan dan premis kerajaan yang dinyatakan di bawah Tahap Keselamatan I, II dan III di atas tidak terhad kepada senarai tersebut dan tertakluk kepada perubahan semasa ke semasa.
- ii. Bagi tujuan kejelasan dan keseragaman, terdapat keperluan untuk merujuk Surat Arahan Keselamatan Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting Bil. 1 Tahun 2008 berkenaan Arahan Keselamatan Berhubung Pembinaan Infrastruktur dan Bangunan Berhampiran Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan bertarikh 16 September 2008 dan Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 3 Tahun 2025 berkenaan Garis Panduan Pematuhan Reka Bentuk dan Operasi Pusat Data Bagi Agensi Sektor Awam bertarikh 27 Mei 2025.

KEPERLUAN MERUJUK DAN PENGESAHAN CGSO

7. Semua projek pembangunan tersebut perlulah mematuhi garis panduan ini dalam keperluan penyediaan aspek keselamatan fizikal seperti berikut:

- 7.1 **Projek Tahap Keselamatan I:** Merujuk kepada CGSO bagi ulasan khidmat nasihat keselamatan berkaitan keseluruhan reka bentuk, keperluan dan spesifikasi keselamatan di peringkat perancangan (pra rundingan) juga di peringkat reka bentuk terperinci (*submittal*);
- 7.2 **Projek Tahap Keselamatan II:** Merujuk kepada CGSO bagi ulasan khidmat nasihat keselamatan berkaitan komponen binaan, ruang/bilik penting dan sensitif termasuk peralatan/perkakasan sistem keselamatan *Extra Low Voltage* (ELV) yang mempunyai risiko dan ancaman di peringkat perancangan (pra rundingan) juga di peringkat reka bentuk konsep (*submittal*) tertakluk kepada ulasan khidmat nasihat keselamatan oleh CGSO. Manakala bagi Sistem Keselamatan ELV adalah di peringkat reka bentuk terperinci (*submittal*); dan
- 7.3 **Projek Tahap Keselamatan III:** Agensi pelaksana hendaklah memastikan semua reka bentuk, keperluan, peralatan/perkakasan termasuk Sistem Keselamatan ELV memenuhi spesifikasi keselamatan yang telah ditetapkan oleh CGSO.

KEPERLUAN MEMATUHI ASPEK KESELAMATAN FIZIKAL

8. Keperluan mematuhi aspek keselamatan fizikal yang perlu merujuk kepada CGSO adalah seperti berikut:

8.1 Keperluan Tahap Keselamatan I

- (a) Bangunan kerajaan atau premis kerajaan yang berkepentingan keselamatan dan berisiko tinggi boleh menyebabkan kerugian besar kepada ekonomi, pertahanan dan keselamatan negara dan/atau menjejaskan fungsi Kerajaan serta imej negara hendaklah mematuhi garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh CGSO;
- (b) Bangunan atau kawasan yang telah/akan diisytiharkan Sasaran Penting dan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*];
- (c) Kawasan, tempat atau ruang bilik yang menempatkan aset bernilai tinggi dan strategik jabatan adalah seperti berikut:
 - (i) Bilik kebal - menyediakan ruang kerja berhadapan atau bersebelahan yang dilengkapi dengan kaunter. Spesifikasi bilik kebal hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pembinaan Bilik Kebal Di Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan;
 - (ii) Bilik keselamatan - bilik penyimpanan rahsia rasmi, bilik penyimpanan dokumen kerajaan, *Exhibit*, *Command Centre* dan lain-lain yang memberi implikasi keselamatan;
 - (iii) Ketinggian pagar keselamatan adalah tidak kurang dari 3 meter dan pagar perimeter tidak kurang dari 2.4 meter. Spesifikasi pagar keselamatan hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pembinaan Pagar Di Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan;

- (iv) Bilik kawalan keselamatan (*control room*) adalah merupakan bilik keselamatan khusus tidak berkongsi selainnya seperti bilik *Building Management System/Control System*. Bilik berkenaan hendaklah dilengkapi sistem penghawa dingin yang beroperasi 24 jam;
- (v) Pusat data (*data centre*) atau bilik server ditempatkan bukan di kawasan umum (*common area*) tidak berdekatan dengan punca air, bahan api, bekalan gas dan sebagainya. Bilik berkenaan hendaklah dilengkapi sistem penghawa dingin yang beroperasi 24 jam;
- (vi) Keperluan untuk menyediakan *high redundancy* hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada CGSO; dan
- (vii) Peralatan ICT dan perkakasan seperti *chiller, pump, ups module* dan *engine generator* hendaklah mematuhi keperluan *fault tolerance power design*.

8.2 **Keperluan Tahap Keselamatan II**

- (a) Bangunan kerajaan dan premis kerajaan yang tidak dikelaskan sebagai Tahap Keselamatan I, namun demikian aspek keselamatan fizikal merupakan elemen penting dalam pengoperasiannya termasuklah fasiliti berkaitan dengan sasaran penting di mana sekiranya terjadi kemungkinan atau kerosakan, akan menjejaskan fungsi sasaran penting tersebut.

- (b) Semua keperluan aspek keselamatan fizikal bagi keperluan Tahap Keselamatan II hendaklah dipatuhi sebagaimana di perenggan 8.1(c) tetapi tidak terhad kepada komponen tersebut dan tertakluk keperluan keselamatan daripada CGSO dari semasa ke semasa.

8.3 Keperluan Tahap Keselamatan III

Bangunan kerajaan dan premis kerajaan yang bukan Tahap Keselamatan I atau II dan lain-lain komponen keselamatan hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh CGSO.

KEPERLUAN PENILAIAN KESELAMATAN BAGI SISTEM ELEKTRONIK DAN KESELAMATAN (*EXTRA LOW VOLTAGE*)

9. Keperluan sistem keselamatan elektronik yang digariskan merangkumi Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV), Sistem Kawalan Akses Elektronik dan sistem yang mempunyai ciri-ciri keselamatan berteknologi tinggi. Kepatuhan minimum adalah seperti dinyatakan di bawah berdasarkan kepada keperluan Tahap Keselamatan seperti berikut:

9.1 Keperluan Tahap Keselamatan I

(a) Sistem CCTV

Penempatan kamera CCTV perlu ditempatkan di lokasi strategik bagi membantu dalam pemantauan keselamatan yang berkesan pada bangunan kerajaan dan premis kerajaan seperti berikut:

- (i) Semua laluan utama keluar masuk bangunan;
- (ii) Semua laluan keluar masuk pada setiap bangunan yang mempunyai nilai strategik keselamatan;
- (iii) Semua laluan keluar masuk pada setiap aras bangunan; dan
- (iv) Semua laluan keluar/masuk pada bilik atau ruang keselamatan pada bangunan strategik keselamatan seperti bilik kawalan keselamatan, pusat data/bilik server, bilik kebal, bilik fail sulit, bilik simpanan bahan rampasan dan lain-lain.

(a) **Sistem Kawalan Akses Secara Elektronik**

Kawalan akses secara elektronik perlulah diadakan di lokasi yang sesuai bagi tujuan kawalan akses keselamatan pada bangunan kerajaan dan premis kerajaan seperti berikut:

- (i) Semua laluan utama keluar masuk bangunan;
- (ii) Semua laluan keluar masuk pada setiap bangunan yang mempunyai nilai strategik keselamatan;
- (iii) Semua laluan keluar masuk pada setiap aras bangunan; dan
- (iv) Semua laluan keluar/masuk pada bilik atau ruang keselamatan pada bangunan strategik keselamatan seperti bilik kawalan keselamatan, pusat data/bilik server, bilik kebal, bilik fail sulit, bilik simpanan bahan rampasan dan lain-lain.

9.2 **Keperluan Tahap Keselamatan II**

(a) **Sistem CCTV**

Penempatan kamera CCTV perlulah ditempatkan di lokasi yang sesuai bagi membantu dalam pemantauan keselamatan yang berkesan pada bangunan kerajaan dan premis kerajaan seperti berikut:

- (i) Semua laluan utama keluar masuk bangunan;
- (ii) Semua laluan keluar masuk pada setiap bangunan yang mempunyai nilai strategik keselamatan;
- (iii) Semua laluan keluar masuk pada setiap aras bangunan; dan
- (iv) Semua laluan keluar/masuk pada bilik atau ruang keselamatan pada bangunan strategik keselamatan seperti bilik kawalan keselamatan, pusat data/bilik server, bilik kebal, bilik fail sulit, bilik simpanan bahan rampasan dan lain-lain.

(b) **Sistem Kawalan Akses Secara Elektronik**

Kawalan akses secara elektronik perlulah diadakan di lokasi yang sesuai bagi tujuan kawalan akses keselamatan pada bangunan kerajaan dan premis kerajaan seperti berikut:

- (i) Semua laluan utama keluar masuk bangunan;
- (ii) Semua laluan keluar masuk pada setiap bangunan yang mempunyai nilai strategik keselamatan;
- (iii) Semua laluan keluar masuk pada setiap aras bangunan; dan

- (iv) Semua laluan keluar/masuk pada bilik atau ruang keselamatan pada bangunan strategik keselamatan seperti bilik kawalan keselamatan, pusat data/bilik server, bilik kebal, bilik fail sulit, bilik simpanan bahan rampasan dan lain-lain.

9.3 **Keperluan Tahap Keselamatan III**

Tiada keperluan khusus ditentukan. Lokasi pemasangan kamera dan kawalan akses elektronik bergantung kepada keperluan.

10. Sistem CCTV, Sistem Kawalan Akses Secara Elektronik dan lain-lain sistem keselamatan berteknologi tinggi perlu dirujuk kepada CGSO untuk khidmat nasihat dan penilaian risiko keselamatan bagi penetapan reka bentuk dan spesifikasi keselamatan.

PENUTUP

11. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan Jabatan Kerja Raya (JKR) khususnya sebagai agensi teknikal berhubung pelaksanaan projek pembangunan kerajaan dalam mengutamakan aspek keselamatan perlindungan yang bermutu, kondusif dan selamat. Garis Panduan Pematuhan Keperluan Keselamatan Bagi Projek Pembangunan Premis Kerajaan akan dibuat semakan dan pengemaskinian secara berkala bagi memastikan garis panduan ini kekal relevan dengan perubahan teknologi dan keperluan semasa.

TARIKH KUAT KUASA

12. Garis Panduan ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

MAKLUMAT PERTANYAAN

13. Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan ini boleh dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -2, -1,1 & 2, Setia Perdana 7,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
Nombor Telefon : 03-8872 6038
Nombor Faksimili: 03-8888 3258
Laman Web: www.cgso.gov.my